



JABATAN PERDANA MENTERI
UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA
(MAMPU)

TEKS UCAPAN PENUTUP

**YBRS. TN. HJ. AZIH BIN YUSOF
TIMBALAN KETUA PENGARAH (ICT) MAMPU /
KETUA PEGAWAI MAKLUMAT KERAJAAN (GCIO)**

SEMPENA

PERSIDANGAN DIGITAL SEKTOR AWAM (PDiSA) 2021

TARIKH/MASA

**19 OGOS 2021 (KHAMIS)
4:30 – 5:00 PETANG**

**TEMPAT
DALAM TALIAN
PEJABAT TKPICT MAMPU, PUTRAJAYA**

UCAPAN SALAM

Terima kasih kepada Pengurus Majlis

Bismillah hirrahma nirrahiim

**Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera**

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd. Zuki bin Ali

Ketua Setiausaha Negara

YBhg. Ketua-Ketua Setiausaha, Ketua-Ketua Pengarah dan Ketua-Ketua Jabatan

YBhg. Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail

Ketua Pengarah MAMPU, Jabatan Perdana Menteri

Pegawai-Pegawai Kanan MAMPU, Jabatan Perdana Menteri

Wakil-wakil agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan juga Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA)

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin termasuk yang hadir secara maya

PENDAHULUAN

YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Alhamdulillah. Segala pujian dan kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala, kerana dengan limpah izin dan kurnia Nya, maka dapat kita dapat kekal hingga ke akhir program Persidangan Digital Sektor Awam (PDiSA) 2021.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan setinggi penghargaan kepada **YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara**, di atas kesudian merasmikan Persidangan Digital Sektor Awam (PDiSA) 2021. Saya percaya, dengan sokongan dan komitmen padu daripada pengurusan tertinggi perkhidmatan awam, agenda pendigitalan negara akan berjalan lancar.
3. Seperti yang telah dimaklumkan oleh YBhg. Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail, Ketua Pengarah MAMPU dalam ucapan pembukaan beliau pagi tadi, PDiSA merupakan kesinambungan daripada program Persidangan *Chief Information Officers* (CIO) Sektor Awam atau *Public Sector CIO Convex* (PSCC) yang telah dilaksanakan secara berkala bermula tahun 2000.
4. Objektif persidangan ini adalah untuk menyediakan platform **perkongsian idea** berkaitan keadaan semasa dan arah terkini teknologi bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan Kerajaan yang

berpaksikan rakyat; **mengarusperdanakan konsep Kerajaan Digital** dalam penawaran perkhidmatan Kerajaan; serta menyediakan **peluang kerjasama strategik** antara agensi Kerajaan, akademia dan sektor swasta bagi merealisasikan pelaksanaan konsep Kerajaan Digital.

5. Ini adalah selari dengan hasrat Perdana Menteri Malaysia yang ke-8, YBhg. Tan Sri Muhyiddin Yassin melalui ucapan beliau sempena Majlis Pelancaran MyDIGITAL dan Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia, yang mana beliau menekankan bahawa teknologi digital **merupakan kunci negara untuk meningkatkan produktiviti**, sekaligus menaiktaraf ekonomi Malaysia. Keupayaan untuk merebut peluang yang muncul daripada teknologi dan model perniagaan inovatif, akan memainkan peranan penting dalam memacu enjin baharu pertumbuhan ekonomi negara.
6. Dalam majlis yang sama juga, YBhg. Dato' Sri Mustapa Mohamed, mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) menyatakan bahawa, **Pandemik Covid-19 telah meningkatkan kesedaran akan perlunya mempercepat penerapan teknologi digital** bagi membantu masyarakat dalam mendepani risiko ekonomi digital.
7. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak urus setia MAMPU, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Awanbiru Technology Berhad selaku rakan strategik MAMPU kerana berjaya menganjurkan persidangan bertemakan **“Norma Baharu Pendigitalan: Memperkasakan Perkhidmatan**

Berpaksikan Rakyat” ini sebagai salah satu usaha dalam merealisasikan aspirasi pendigitalan Kerajaan.

TEMA: “NORMA BAHARU PENDIGITALAN: MEMPERKASAKAN PERKHIDMATAN BERPAKSIKAN RAKYAT”

8. Kesan daripada kemunculan dan kepesatan teknologi Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) yang bersifat disruptif berpotensi merubah landskap sosio-ekonomi dunia dengan ketara. Pandemik Covid-19 telah mewujudkan norma baharu yang mempercepatkan gelombang perubahan yang mendorong rakyat mengadaptasi pendigitalan dengan melakukan aktiviti secara maya bagi memenuhi keperluan harian, perniagaan, hiburan, pendidikan dan lain-lain. Kerajaan perlu prihatin kepada keperluan suasana norma baharu ini dengan lebih kreatif dan inovatif melalui pemanfaatan data dan teknologi 4IR bagi address *pain point* atau *civic moment* yang dihadapi rakyat dengan menambah baik perkhidmatan Kerajaan selaras dengan harapan dan ekspektasi rakyat.
9. Inilah yang kita maksudkan perkhidmatan berpaksikan rakyat dalam norma baharu pendigitalan dan kerajaan akan terus memperkasakan Perkhidmatan dalam talian (Online) secara *End-To-End* (E2E) yang merentasi agensi agar rakyat dapat mencapai semua perkhidmatan kerajaan di hujung jari dengan *seamless* dan pengalaman yang cemerlang (good UX) . Untuk makluman, status perkhidmatan dalam talian secara E2E agensi Sektor Awam sehingga Jun 2021 adalah 57.12% berbanding 20.2% pada tahun 2019. Ini jelas membuktikan

bahawa Kerajaan terus komited dalam menyediakan perkhidmatan terbaik untuk rakyat.

FOKUS PERSIDANGAN

10. Sebagaimana yang telah dibincangkan dalam persidangan ini, bidang fokus PDiSA 2021 ini secara umumnya terbahagi kepada empat komponen utama iaitu **Manusia, Proses, Teknologi dan Data**. Keempat-empat komponen ini saling berkait antara satu sama lain serta perlu diberi perhatian dalam merangka strategi pendigitalan bagi menambah nilai penyampaian perkhidmatan Kerajaan sedia ada.
11. Kemahiran penjawat awam dalam menggerak dan memacu pendigitalan negara amat penting. Oleh yang demikian, pembangunan bakat digital sektor awam bagi memainkan peranan baharu di era pendigitalan sebagaimana dinyatakan dalam inisiatif MyDIGITAL seperti, Pemacu Digital, Digital Transformer dan lain-lain di kalangan penjawat awam perlu diberi penekanan sewajarnya. Selain itu, kesedaran dan penerimاغunaan digital (Digital adoption) dalam kalangan rakyat dan usahawan perlu ditingkatkan untuk menambahbaik kualiti kehidupan mereka.
12. Bagi memacu transformasi pendigitalan sektor awam, peranan pemimpin yang bermindakan digital (digital mindset leader) amat kritikal. Pemimpin-pemimpin ini akan menggerakkan jentera di bawahnya bagi membuat anjakan paradigma pemodenan dan pembaharuan dengan mereka bentuk semula proses kerja (business

process) dengan mengoptimumkan penggunaan teknologi digital dan kepintaran data bagi membuat keputusan yang tepat, *timeliness* serta memperkasa perkhidmatan yang berpaksikan rakyat (we need to build and improve government services around the heart of our citizens). Inilah cita-cita kita semua iaitu bagi merealisasi konsep kerajaan digital yang mampan dan pintar.

CABARAN

13. Sebagaimana kita semua sedia maklum, Rangka Tindakan Ekonomi Digital dan Dasar 4IR Negara menetapkan sasaran tertentu melalui inisiatif-inisiatif yang telah gariskan. Pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini sudah tentu menghadapi isu-isu dan cabaran-cabaran tertentu samada dari aspek rakyat, peniaga mahu pun kerajaan itu sendiri. Cabaran-cabaran ini mungkin dari segi perundangan, infrastruktur digital, tahap penerimangunaan digital dan lain-lain.
14. Walau bagaimanapun, setiap racun ada penawarnya, setiap cabaran pasti ada penyelesaiannya. Bagi mengatasi cabaran tersebut, Kerajaan menggunakan dua pendekatan iaitu **Pendekatan peringkat nasional**: *The whole nation approach* (Pendekatan Keseluruhan Negara) yang melibatkan kolaborasi strategik dan inovatif antara rakyat, pihak industri dan Kerajaan untuk menangani cabaran ekonomi, sosial dan alam sekitar.
15. Manakala pendekatan kedua iaitu **Pendekatan peringkat Sektor Awam**: *The whole Government approach* merupakan pendekatan merentasi agensi Kerajaan dalam penyediaan perkhidmatan bersepadu, terangkum dan selamat.

16. Dengan adanya kedua-dua pendekatan ini, diharapkan kita dapat merangka strategi penyelesaian secara holistik bagi mendepani isu-isu dan cabaran yang dihadapi. Bak kata orang tua-tua, “kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya”.

RUMUSAN PEMBENTANGAN

17. Dunia pada era globalisasi ini adalah bertunjangkan maklumat dan ilmu sebagai asas perkembangannya. Alhamdulillah, hari ni kita cukup bertuah kerana diberi kesempatan untuk mendengar pembentangan yang cukup hebat dan bermanfaat. Antara intipati pembentangan yang dapat saya rumuskan adalah:
- a) Pandemik Covid-19 membuka peluang kepada pihak Kerajaan untuk mentadbir urus negara berdasarkan teknologi dan data;
 - b) Akses kepada perkhidmatan perlu dioptimumkan melalui penggunaan pelbagai peralatan pintar dan sistem berdasarkan ICT bagi memastikan pendekatan secara inklusif tercapai dalam memastikan ekonomi dan sosial rakyat terpelihara;
 - c) Inovasi dalam mengeluarkan produk dan perkhidmatan baharu untuk mempertingkatkan keusahawan secara *online*;
 - d) Kepercayaan berkaitan *data privacy* digital perlu dipertingkatkan terutamanya dari sudut hak digital dan perlindungan data peribadi;

- e) Fintech dan transaksi tanpa tunai (*cashless*) akan menjadikan pengurusan kewangan Kerajaan lebih cekap dan berkesan seterusnya akan menarik pelaburan lebih besar ke negara kita;
 - f) Pendigitalan Kerajaan juga diaplikasi dalam Pembangunan Bandar Pintar dan aplikasi pemesejan segera (instant messaging) GoChat yang memberi faedah kepada pembuatan keputusan dengan segera melalui komunikasi pantas, berkesan dan selamat;
18. Justeru itu, setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada semua pembentang dan ahli perbincangan panel PdiSA 2021 yang sudi berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam bidang masing-masing. Pepatah Arab mengatakan: “ilmu tanpa amal, ibarat pohon tak berbuah.” Oleh itu, mudah-mudahan, maklumat dan ilmu yang telah diperolehi akan menjadi titik tolak untuk kita praktik dan terus mara untuk memperkasakan perkhidmatan digital Sektor Awam.

PENUTUP

19. Saya berharap persidangan pada hari ini telah dapat menyediakan platform kerjasama strategik bagi memantapkan pelaksanaan konsep Kerajaan Digital, perkongsian idea dan pengalaman mengenai penyelesaian masalah semasa melalui penggunaan teknologi dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan Kerajaan dan mengarus perdanakan konsep Kerajaan Digital dalam penawaran perkhidmatan Kerajaan.

20. Memetik kata-kata Ronald Reagan, Presiden Amerika Syarikat ke-40 yang berbunyi “By working together, pooling our resources and building on our strengths, we can accomplish great things.” Saya yakin bahawa komitmen dan iltizam yang tinggi semua pihak dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dan sokongan pihak industri dan akademia akan memastikan kejayaan agenda pendigitalan negara. “together we make a difference and extraordinary happen”, insha Allah.
21. Akhir kata saya mengucapkan tahniah atas penganjuran persidangan ini dan komitmen semua pihak yang terlibat.

Sekian. Saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Walhidayah.

Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.